Nama: Kelas:

ULANG KAJI

Tulis ayat di bawah sama ada betul atau salah .

Budak itu tidak terdaya mengangkat kotak yang berat itu.	
Minyak masak yang telah lama disimpan itu berbau masam.	
Amin dan kawan-kawannya gemar mandi di sungai itu kerana airnya dalam sahaja.	
Atuk berasa sangat rindu akan cucu-cucunya yang sudah sebulan tidak pulang ke kampung.	
Lauk-pauk yang dijual oleh Mak Cik Siti digerainya sangat lazat.	

2. Isi tempat kosong dengan kata hubung yang betul.

kendatipun	malahan	atau	untuk	tetapi

(i) Bukan Aleya sahaja yang pandai dalam keluarganya _____ abangnya juga cerdik dan melanjutkan pelajaran ke luar negara.

(ii) Adam berlari dengan pantas _____ menjadi johan dalam acara larian 100 meter semasa sukan tahunan di sekolahnya.

3. Isi tempat kosong dengan perkataan yang betul.

(i) Tun Doktor Mahathir Mohamad ialah seorang _____ yang disegani.

sejarawan	negarawan	seniman

(ii) Tan Sri P. Ramlee digelar _____ agung negara kerana jasanya yang amat besar dalam industri hiburan terutamanya di rantau Asia Tenggara.

sasterawan	seniman	karyawan

4. Tulis **betul** atau **salah** bagi simpulan bahasa di bawah.

(i) Sejak berjumpa rakannya Aiman tidak berhenti-henti bercakap.	mulut tempayan	
(ii) Salina kecewa kerana gagal memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam UPSR.	patah hati	
(iii) Zahin tidak mempunyai adik-beradik kandung.	anak emas	
(iv) Kematian Encik Amat telah menyebabkan keluarganya hilang tempat bergantung.	patah kandar	
(v) Nenek Temah tidak pernah membaca sebarang surat khabar ataupun majalah kerana dia.	cakar ayam	

CIKGU MARZULY